

Sendi Kelemahan Kita

Fikiran dari pelajar Melayu disiarkan oleh Badan Perpustakaan Persekutuan

Melayu, Mesir.

(oleh: Hashim Ahmad Ali)

Telah hampir dua tahun negara kita mencapai kemerdekaan, rantai penjajahan yang sejak beratus-ratus tahun membelenggu kita telahpun dipatah dan kita sekarang ini berada di dalam suasana yang merdeka. Kalau dahulu kita merasai bahawa rakyat Malaya adalah kedudukannya tidak setaraf dengan kedudukan rakyat negara-negara yang sudah merdeka seperti negara-negara tetangga iaitu Indonesia, India dan sebagainya, tetapi sekarang ini kita dan mereka adalah sama pada taraf dan kedudukan. Tiap-tiap seorang rakyat Malaya dapatlah bermegah-megah dengan kemerdekaan yang dicapainya terutama sekali kita orang-orang Melayu oleh kerana kita tidak akan berganjak dari menganggap bahawa Malaya ialah hak kita dan kemerdekaannya ialah kemerdekaan kita. Kalau orang-orang asing berganding tangan dengan kita dalam perjuangan menuntut kemerdekaan maka kita mengatakan bahawa perjuangan dan sumbangan tenaga mereka bukanlah lahir dari hati yang insaf suci dan ikhlas oleh kerana memandang bahawa Malaya bukan tanah airnya yang asli. Mereka hanya memberi sokongan itu dan ini demi untuk menjaga maslahat mereka. Ini bererti bahawa tanggungjawab kita orang Melayu dalam mengisi kemerdekaan adalah lebih besar dan lebih bererti daripada tanggungjawab mereka kerana Malaya tetap hak kita.

Sekarang kita mulai mencatat sejarah baharu. Sejarah lama telah meninggalkan kita tetapi kita tidak harus melupakannya kerana dia adalah suatu dorongan yang besar dalam perjuangan kita di masa akan datang. Tidaklah salah kalau kita mengatakan bahawa salasilah perjuangan kita pada masa akan datang ada mempunyai hubungan yang erat dengan perjuangan datuk nenek kita dahulu. Kita dapat mempusakai banyak seruan perjuangan mereka. Datuk kita Hang Tuah pernah mengatakan bahawa "Melayu takkan hilang di dunia" – dan pemimpin-pemimpin kita sekarang ini ada juga berpegang teguh kepada kata-kata ini. Tetapi kita merasai syak adakah kata-kata ini suatu kenyataan yang tak dapat dinafikan lagi atau dapatkah kita betul-betul berjuang agar kata-kata ini betul tidak menjadi sia-sia bahkan benar. Maka dalam keadaan fikiran kita berkecamuk dengan tanda-tanda tanya ini kita pun merasai bahawa perjuangan kita adalah lemah kerana jiwa kita telahpun dipengaruhi oleh kata-kata yang tidak berasas. Kita cepat terjerumus ke dalam perangkap kata-kata yang manis dan lunak yang diberi oleh ahli-ahli pidato kita. Pemimpin-pemimpin kita dan jaguh-jaguh siyasah kita. Kalau dipandang kepada penggunaan kata-kata Hang Tuah tadi di kalangan ahli-ahli siyasah Malaya hari ini maka kata-kata itu tidaklah besar bezanya dengan kata-kata timang-timang anak yang

dinyanyikan oleh ibu-ibu untuk melenakan anak-anak mereka di dalam buaian. Memang kata-kata itu sangat lemak sehingga kita terburu-buru menganggap bahawa si anu itu pemimpin kita dan dia akan berjuang untuk kita semua. Ini adalah suatu kemalangan ke atas kita kerana kesalahan kita cepat-cepat menghukum sesuatu benda. Di sini zahirilah sendi kelemahan dan kelumpuhan perjuangan kita. Sebarang natijah sama ada baik atau buruk terpulung kepada kita untuk memikulnya.

Di sini kita bentangkan tanda-tanda kelemahan kita baik pun dari segi ekonomi, pelajaran, kemasyarakatan dan siyasah

Segi Ekonomi Bangsa Melayu

Dalam mempelajari ekonomi bangsa Melayu kita terpaksa memandang kepada ekonomi kampung. Kita berkata demikian kerana memandang kepada keadaan orang-orang Melayu serta tenaga mereka – di manakah terletak tenaga mereka dan bagaimanakah keadaan mereka apabila dibanding dengan bangsa asing yang menduduki Malaya.

Mengenai mata pencarian didapati sejumlah yang besar (lebih kurang 23.1 peratus) daripada bangsa Melayu bekerja ladang. Kita jangan terpesong dengan angka ini oleh kerana kebanyakan apa yang ditanam oleh mereka bukan dapat dihantar ke luar negeri. Memang ada orang-orang Melayu yang menanam getah tetapi tanaman getah kepunyaan mereka adalah terdiri dari pekebun-pekebun kecil sedangkan orang-orang asing menjadi pekebun-pekebun besar. Dengan ini bererti bahawa nikmat perdagangan Malaya di luar negeri tidak dapat dirasakan oleh orang-orang Melayu sepuas-puasnya. Selain daripada itu sudah menjadi suatu kemalangan bagi

pekebun-pekebun kecil Melayu bahawa mereka tidak dapat menentang persaingan dengan pedagang-pedagang getah bangsa asing di Malaya oleh kerana kukurangan kakitangan atau lembaga-lembaga yang dapat menolong menjual getah-getah mereka. Dari itu timbullah suatu akibat yang buruk iaitu orang-orang Melayu akan menjadi sasaran penindasan kaum, modal atau taukeh-taukeh bangsa asing. Di sini kita dapat membayangkan betapa pentingnya bagi umat Melayu mengadakan sebanyak-banyaknya syarikat kerjasama untuk menjaga maslahat pekebun-pekebun kecil dan menghindarkan tindasan pekebun-pekebun besar.

Sejumlah yang besar lebih kurang 48.4 peratus daripada orang Melayu menanam padi, tetapi seyogianya diingat bahawa hasil tanaman ini tidak dapat dihantarkan ke luar negeri sedangkan untuk dalam negeri tidak mencukupi. Jadi orang Melayu sudah tewas dalam perdagangan Malaya luar negeri.

Dalam lapangan perindustrian dan perniagaan orang-orang Melayu sudah ditinggalkan masa. Dalam buku “Kemajuan Ekonomi Malaya” yang ditulis oleh John Hopkins telah membentangkan bahawa 8.1 peratus sahaja daripada jumlah orang-orang Melayu yang mengambil bahagian dalam lapangan perniagaan, kewangan, dan perindustrian, sedangkan bilangan orang asing yang mengambil bahagian dalam lapangan itu adalah lebih kurang 38.6 peratus.

Kita rasa tersasul bertanya kenapakah timbul perbezaan yang sebegini besar, adakah ini kesalahan kita umat Melayu kerana tidak suka berniaga? Mengikuti keterangan Baba Tan Siew Sin, Menteri Perdagangan dan Ekonomi Persekutuan Tanah Melayu dalam Utusan Melayu 2 Januari 1959 mengatakan bahawa

lapangan perusahaan dan perniagaan hanya mendapat sambutan yang “dingin” dari orang Melayu. Kalaulah kenyataan ini betul maka kita merasai kesal kerana kesalahan kita sendiri. Tetapi apa yang dapat ditilik sekarang ini ialah kemunduran ekonomi Melayu bukanlah berpunca dari tabiat orang, Melayu tak suka berniaga. Kita mencabar dan bertanya dengan terus terang kepada Baba Tan Siew Sin itu apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh kementerianya untuk mendorong orang-orang Melayu mengambil bahagian dalam perusahaan dan perniagaan? Kita percaya keterangan Baba Tan Siew Sin di atas adalah bertujuan untuk memesonng fikiran kita semua sehingga kita sanggup menghamu¹ bangsa kita sendiri sedangkan orang besar-besar kita percaya bulat-bulat kepada kenyataan Baba Tan itu.

Suatu perkara yang termaklum serta tak dapat diingkarkan lagi ialah bangsa Melayu dari dahulu lagi mengalami kekurangan modal untuk menjalankan sebarang perniagaan dan perusahaan. Maka adakah Menteri Perdagangan kita telah berusaha menjalankan siasat mengumpul modal menerusi tabung atau lembaga, untuk dijadikan modal bagi perniagaan dan perusahaan orang Melayu? Selama itu belum ada dan selama belum ada maka selama itulah pula orang-orang Melayu sentiasa lemah dalam lapangan ekonomi dan tidak dapat mengambil peranan yang penting dalam lapangan perniagaan atau perusahaan.

Perkara yang kedua yang menyebabkan kemunduran ekonomi bangsa Melayu ialah kekurangan serta keburukan sistem pengangkutan. Bangsa kita ialah bangsa pak tani dan pertanian pula diusahakan di ladang-ladang

yang jauh dari bandar. Maka selagi sistem pengangkutan tidak diperbaiki selama itulah pertanian tidak subur dan maju. Akibat dari ini ialah orang-orang Melayu selama-lamanya tidak dapat mengumpul modal untuk perniagaan. Selain daripada itu didapati bahawa cara-cara menanam masih lagi kuno yang mana cara-cara ini wajib diubah.

Dalam penumpuan penduduk di Malaya didapati bahawa cuma sebelas peratus sahaja daripada jumlah orang Melayu yang menduduki di bandar, sedangkan yang lain-lain tinggal di desa. Sementara itu 43 peratus daripada orang-orang Cina dan 34 peratus daripada orang-orang India termasuk Pakistan dapat menguasai bandar-bandar. Ini bererti bahawa sebilangan yang besar daripada anasir-anasir kota adalah terdiri daripada bangsa-bangsa asing sedangkan bangsa

Kitab-kitab Mengenai Sembahyang

- | | |
|--|--------|
| 1. Ibadah Rasulullah (SAW) | \$3.00 |
| tambah belanja pos 20 sen. | |
| 2. Pelajaran Sembahyang (Allāhu Akbar) | \$1.20 |
| 3. Pelajaran Sembahyang (Allāhu Akbar) | |
| Mengenai: Imam, makmum, <i>masbūq</i> | |
| dan lain-lainnya. | \$1.20 |
| 4. Mari Sembahyang (Buat Lelaki) | \$1.20 |
| Dari 2, 3, 4 dan 5 pesanan hendaklah | |
| 5. „ „ (Buat Perempuan) | \$1.20 |
| tambah belanja pos 10 sen tiap-tiap | |
| naskhah. | |

Inilah di antara buku-buku pelajaran agama yang mudah sekali dipelajari.

¹ menghamun

Melayu sendiri terpencil di desa. Maka keistimewaan tinggal di kota telah dapat dirasai oleh orang-orang asing dan peluang bagi orang-orang Melayu mengambil bahagian di dalam lapangan ekonomi di bandar-bandar sangat nipis.

Inilah nasib kita orang Melayu. Ciptaan siapakah ini?

Segi pelajaran

Sebagai sebuah negara yang baharu merdeka dari belunggu penjajahan semenjak beratus-ratus tahun. Kita dapati bahawa soal pelajaran di kalangan anak-anak bangsa kita belum lagi berkembang sebagaimana yang dikehendaki. Benih yang disemai dalam penjajahan di dalam sistem pelajaran Tanah Melayu masih lagi menerima baja-baja untuk subur. Sistem pelajaran yang mengagung-agungkan kebangsaan belum lagi wujud dan selain itu kita didapati bahawa pelajar-pelajar kita dari sekolah-sekolah Melayu dan sekolah-sekolah agama tidak mendapat sambutan dan galakan sebagaimana yang didapati oleh pelajar-pelajar keluaran sekolah-sekolah Inggeris.

Suatu perkara yang agak aneh pada pendapat kita ialah mengenai pelajaran-pelajaran yang diajar di sekolah-sekolah Melayu dan sekolah-sekolah Inggeris. Kalau di sekolah-sekolah Melayu didapati bahawa kanak-kanak diajar membaca cerita Mat Jenin, cerita ini pada pandangan orang Melayu adalah suatu cerita yang tak baik dibuat tauladan atau suatu cerita yang merupakan ejekan. Masing-masing ada mempunyai perasaan takut kalaulah dia menjadi seperti Mat Jenin sehingga tidak mahu lagi berhemah dan bercita-cita tinggi. Inilah suatu benih yang ditanam ke dalam jiwa anak-anak Melayu dan kesudahannya mereka akan rasa cukup dengan apa yang dipelajari di sekolah-sekolah rendah atau sekolah-sekolah menengah.

Kita mengaku bahawa ada di antara pelajar-pelajar Melayu yang tak dapat menyambung pelajaran di universiti mempunyai bakat, tetapi oleh kerana peluang untuk menyambung pelajarannya tidak ada disebabkan kesulitan kewangan maka bakat serta cita-citanya akan hilang. Inilah sebab-sebabnya kemunduran kita dalam pelajaran.

Bersambung.



Ahli jawatankuasa, Madrasah Shams al-Ma'arif, Tanjung Piandang, bergambar ramai kerana meraikan rakan mereka yang telah berjaya baharu-baharu ini.